

# Orang dalam seludup rakaman debat

UM 23 JUN 2001

Oleh YUSRI SAHAT

**K**UALA LUMPUR 22 Jun — Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman percaya terdapat orang dalam yang bertanggungjawab menyeludup keluar versi rakaman “Perdebatan UMNO-Pas” kepada parti pembangkang untuk mengelirukan rakyat.

Beliau menegaskan, UMNO akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak terbabit yang mengedarkan rakaman rahsia berkenaan secara haram.

“Kita juga telah membuat laporan polis berhubung perbuatan tidak bertanggungjawab itu sebaik sahaja mengetahui rakaman tersebut telah diedarkan secara berleluasa oleh Pas,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada *Utusan* ketika ditemui selepas perbincangan menyokong ucapan Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung UMNO di

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau mengulas kritikan wakil UMNO Kelantan, Datuk Ibrahim Ali berhubung kegagalan UMNO menangani pengedaran secara berleluasa versi rakaman forum “UMNO-Pas” yang dijual dalam bentuk cakera video di seluruh negara terutama Kelantan.

Ketika membahaskan perkara itu, Ibrahim membidas kelewatan UMNO untuk bertindak

selepas rakaman tersebut dijual secara meluas di negeri itu.

Rakaman tersebut yang didakwa oleh Pas sebagai debat sebenar antara parti pembangkang itu dan UMNO mula disebarkan oleh Pas pada muktamar parti tersebut awal bulan ini.

Majlis “perdebatan” bercorak diskusi itu dihadiri oleh ulama-ulama dan para pemimpin tertinggi UMNO termasuk Dr. Mahathir dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr. Abdul Hamid selanjutnya mendedahkan, rakaman yang diedarkan oleh Pas telah disunting oleh parti pembangkang itu sehingga menunjukkan berlakunya berat sebelah.

Katanya, orang ramai pasti terkeliru dengan rakaman berkenaan yang memihak kepada Pas.

Beliau menegaskan, rakaman itu dibuat bukan untuk hebahan umum sebaliknya diadakan untuk tontonan pihak tertentu sahaja.

“Kita buat rakaman itu

untuk tontonan golongan ulama dan pemimpin tertinggi UMNO berhubung isu mengkafir parti memerintah,” jelasnya.

Menurut beliau, isu mengkafir oleh Pas tidak boleh dijelaskan kepada orang ramai menerusi rakaman tersebut kerana dikhuatiri akan mengelirukan.

“Sudah menjadi tugas Pas untuk mengelirukan rakyat dengan isu-isu agama apabila mengedarkan rakaman yang berat sebelah ini,” tegasnya.

Bagaimanapun, katanya, UMNO terpaksa mengedarkan rakaman penuh “perdebatan” itu bagi menjelaskan perkara sebenarnya yang berlaku kepada orang ramai.

Langkah itu, jelas beliau, merupakan cara terbaik dalam membendung pengedaran rakaman itu di pasaran.

“Kita tidak dapat menghalang atau merampas semua pengedaran rakaman itu di pasaran kerana kita tidak ada kuasa,” jelasnya.